

KAJIAN TERHADAP TAHAP KEYAKINAN DAN SIKAP GURU DALAM
PENGAJARAN SUBJEK PENDIDIKAN JASMANI

SUBAHAASHNEE A/P SUGAKARAN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian
syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan)

Sekolah Pendidikan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia

FEBRUARI 2021

DEDIKASI

Tesis ini didedikasikan khas untuk keluarga saya, yang selalu memberi sokongan yang berterusan dan mendoakan kejayaan saya.

PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuhan kerana kajian ini berjaya disiapkan dan memberi pengalaman kerja yang amat berharga kepada saya untuk mendalami dan menimba ilmu. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Assoc. Prof. Dr Narina Binti A. Samah selaku penyelia yang banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan dalam proses menyiapkan kertas projek ini.

Terima kasih dan penghargaan juga saya dedikasikan kepada barisan pensyarah di Sekolah Pendidikan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dalam menyiapkan tugas ini. Dikesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak ternilai kepada ibu bapa saya yang sentiasa memberikan sokongan dan tidak putus mendoakan kejayaan saya. Akhir sekali, kepada adik beradik yang dikasihi terima kasih atas segalanya.

ABSTRAK

Pendidikan jasmani subjek yang sangat suka oleh murid-murid. Walaupun ia dibelajari 3 waktu dalam seminggu murid-murid menanti-nantikan untuk subjek tersebut. Namun subjek yang paling disukai oleh murid tetapi beberapa orang guru tidak yakin untuk mengajar subjek Pendidikan Jasmani. Alasan yang diberi oleh guru-guru ialah tidak yakin, dan tidak sesuai untuk guru perempuan. Adakah mereka benar menghadapi masalah, ataupun sebab-sebab yang lain. Tidak yakin dengan kerja yang dilakukan kerana kurang minat atau tidak sesuai dengan kerja tersebut. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap keyakinan guru-guru terhadap pengajaran pendidikan jasmani. Kajian ini menggunakan rekabentuk diskriptif. Seramai 322 Guru Sekolah Rendah di Johor Bahru, dipilih sebagai responden kajian. Instrumen yang digunakan adalah soal-selidik untuk mengukur minat kerjaya dan mengukur sikap guru. Data diproses dan dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Sciences) versi 11.5 dan dinyatakan dalam bentuk min dan peratus. Data dianalisis secara diskriptif. Keputusan kajian mendapati tahap keyakinan dan sikap guru terhadap mengajar subjek Pendidikan Jasmani.

ABSTRACT

Physical education is a subject that students really like. Although it is studied three times a week the students are looking forward to the subject. However, the Physical Education is most liked by students, but some teachers are not confident to teach the subject of Physical Education. The reason given by the teachers is that they are not confident and are not suitable for female teachers. The teachers really facing problems, or other reasons. Not confident in the work can be because of lack of interest or not doing suitable for the job. The objective of this study is to identify the level of confidence of male and female teachers in the teaching of physical education. This study uses a descriptive design. A total of 322 Primary School Teachers in Johor Bahru were selected as study respondents. The instrument used was a questionnaire to measure career interests and measure teacher attitudes. Data were analyzed descriptively. The results of the study found the level of confidence and attitude of teachers towards teaching the subject of Physical Education.

SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
	BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Penyataan Masalah	5
1.4	Objektif	8
1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Hipotesis Kajian	8
1.7	Kerangka Teori	9
	1.7.1 Teori Keyakinan	9
	1.7.2 Teori Sikap	9
1.8	Kerangka Konseptual	10
1.9	Skop dan Batasan Kajian	11

1.10	Kepentingan Kajian	12
1.11	Definisi Istilah/ Operasional	12
1.11.1	Guru	12
1.11.2	Pendidikan Jasmani	13
1.11.3	Keyakinan	13
1.11.4	Sikap	13
1.12	Kesimpulanya	14
BAB 2 SOROTAN KAJIAN		15
2.1	Pengenalan	15
2.2	Konsep Berkaitan	15
2.2.1	Keyakinan Guru	15
2.2.2	Sikap Guru	16
2.3	Teori Berkaitan	18
2.3.1	Teori Keyakinan Bandura	18
2.3.2	Teori Sikap Ajzen dan Fishbein	20
2.3.3	Pengajaran Pendidikan Jasmani	21
2.3.4	Kajian – Kajian Lepas	22
2.4	Penutup	25
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		27
3.1	Reka Bentuk Penyelidikan	27
3.2	Subjek Kajian	28
3.3	Populasi Kajian	28
3.4	Persampelan	29
3.5	Instrumen	30
	No item	32

Subkonstruk	32
1 dan 3	32
pengalaman kejayaan	32
2 dan 7	32
pengalaman individu lain	32
5 dan 8	32
persuasi verbal	32
4,6 dan 9	32
keadaan fisiologi	32
No item	33
Subkonstruk	33
1,5 dan 3	33
kognitif	33
2, 4 dan 7	33
afektif 33	
6 dan 8	33
konatif33	
3.6 Tatacara Kajian	34
3.7 Pengumpulan Data	34
3.8 Analisis Data	35
3.9 Kajian Rintis	35
3.10 Kesimpulan	36
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	37
4.1 Pengenalan	37
4.2 Analisis Deskriptif Latar Belakang Responden	38

4.3	Analisis Deskriptif Berdasarkan Persoalan Kajian	39
4.3.1	Keyakinan guru – guru dalam pengajaran Pendidikan Jasmani	39
4.3.2	Sikap guru – guru dalam pengajaran Pendidikan Jasmani	44
4.4	Analisis Inferensi	48
4.4.1	Hubungan antara tahap keyakinan dan sikap guru-guru dalam pengajaran Pendidikan Jasmani	48
4.4.2	Hubungan dengan sikap guru-guru dalam pengajaran Pendidikan Jasmani	49
4.5	Kesimpulan	50
BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN		51
5.1	Pengenalan	51
5.2	Ringkasan Kajian	51
5.3	Perbincangan	53
5.3.1	Tahap keyakinan terhadap guru-guru dalam pengajaran Pendidikan Jasmani	53
5.3.2	Sikap guru-guru dalam pengajaran Pendidikan Jasmani	54
5.3.3	Hubungan dengan sikap guru-guru dalam pengajaran Pendidikan Jasmani.	54
5.4	Cadangan untuk Kajian yang akan Datang	54
5.5	Kesimpulan Kajian	55
5.6	Kesimpulan	56
RUJUKAN		57

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Skala kekerapan lima mata bahagian A	31
Jadual 3.2	No item mengikut subkonstruk yang mengukur keyakinan	32
Jadual 3.3	Skala kekerapan lima mata bahagian B	33
Jadual 3.4	No item mengikut subkonstruk yang mengukur sikap	33
Jadual 3.5	Nilai alfa cronbach kajian rintis	36
Jadual 4.1	Demografi profail	37
Jadual 4.2	Taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina	38
Jadual 4.3	Skor min item keyakinan guru lelaki terhadap pengajaran Pendidikan Jasmani	39
Jadual 4.4	Nilai dan interpretasi skor min tahap keyakinan terhadap pengajaran Pendidikan Jasmani	40
Jadual 4.5	Skor min item Keyakinan guru perempuan terhadap pengajaran Pendidikan Jasmani	41
Jadual 4.6	Nilai dan interpretasi skor min tahap keyakinan guru perempuan terhadap pengajaran Pendidikan Jasmani	42
Jadual 4.7	Skor min item sikap guru lelaki terhadap pengajaran Pendidikan Jasmani	44
Jadual 4.8	Nilai dan interpretasi skor min sikap guru lelaki terhadap pengajaran Pendidikan Jasmani	45
Jadual 4.9	Skor min item sikap guru perempuan terhadap pengajaran Pendidikan Jasmani	46
Jadual 4.10	Nilai dan interpretasi skor min sikap guru perempuan terhadap pengajaran Pendidikan Jasmani	47
Jadual 4.11	Hasil kajian hubungan antara keyakinan dengan guru lelaki dan perempuan	48
Jadual 4.12	Hasil kajian hubungan antara sikap dengan guru lelaki dan perempuan	49
Jadual 5.1	Analisis deskriptif	52

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Teori Keyakinan	10
Rajah 2.1	Tiga dimensi keyakinan	19
Rajah 2.2	Keyakinan Bandura	20
Rajah 3.1	Jadual Sampel	29

SENARAI SINGKATAN

PJ - Pendidikan Jasmani

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Soal Selidik (a)	60
Lampiran B	Soal Selidik (b)	61

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pengajaran adalah satu proses yang menyebarkan pendidikan atau ilmu bagi membantu melahirkan pendidik yang cemerlang . Seseorang guru menggunakan kebolehan untuk menjalankan pengajaran. Pengajaran sangat membantu dalam keperluan murid untuk menerima pengajaran dan menggunakan berfikiran yang luas .Pembelajaran dan pengajaran adalah melibatkan satu pihak utama iaitu guru. Guru merupakan media yang sangat penting untuk menyebarkan pengajaran. Proses pengajaran dikatakan berkesan apabila murid dapat mengaplikasikan ilmu yang diajar oleh pendidik tersebut. Pendidikan merupakan keperluan yang paling penting di dalam kehidupan manusia. Ia sangat penting disebabkan pendidikan boleh menentukan tahap pembangunan sesebuah negara dan melahirkan insan berkualiti dalam masyarakat. Oleh itu, segala perkara yang berkaitan dengan aspek pendidikan perlu memberi keutamaan oleh semua pihak. Guru adalah satu profesion yang sangat penting yang dapat melahirkan semua profesion.

Kementerian Pendidikan sentiasa memastikan pengajaran dan pembelajaran yang berbeza dengan berpusatkan murid untuk pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025). Kementerian juga memberi lebih keutamaan bagi profesion keguruan untuk mencapai matlamat kementerian pendidikan. Selain itu, Kementerian menyediakan satu pakej iaitu Pakej Kerjaya Guru bagi untuk mengubah cara pemilihannya, untuk memberi ganjaran dan juga bagi pembangunan profesion keguruan.

Fokus utama bagi pendidikan adalah untuk melahirkan seseorang warganegara yang berbudi pekerti, berilmu pengetahuan dan berdisiplin. Bagi seseorang yang ingin menjadi seorang warganegara yang berciri-ciri dinyatakan di atas perlu mempunyai kebolehan untuk berhidup dengan aman. Di dalam Subjek Pendidikan Jasmani mempunyai matlamat untuk mereka bentuk amalan hidup sihat dalam sistem pendidikan. Ia juga menekankan bahawa semua remaja atau murid perlu mengikuti latihan atau aktiviti fizikal bagi meningkatkan ilmu dan pengetahuan seperti aktiviti fizikal, sukan rekreasi dan sebagainya. Negara kita selalu memerlukan pendidikan yang berkualiti tinggi bagi melahirkan pendidik yang cemerlang. Bukan itu sahaja, ia juga mempunyai aspek yang tertentu seperti melahirkan murid yang berilmu pengetahuan, menjaga diri sendiri, berkemahiran dan juga murid yang sihat dan cergas.

Menurut Bandura mendapati keyakinan diri adalah mempunyai kaitan dengan kecekapan seseorang. Keyakinan diri menekankan seseorang untuk menghadapi segala cabaran dengan penuh tabah walaupun cabaran yang penuh dengan tekanan. Keyakinan guru juga sangat penting dalam proses pengajaran subjek Pendidikan Jasmani adalah selalu guru-guru kurang berpengalaman dan juga kurang yakin. Ia akan menjejaskan proses pengajaran dalam tidak memilih tajuk yang sepatutnya atau tidak merancang dengan sistematik. Oleh itu, guru-guru boleh meningkatkan ilmu dari apa jua media yang sesuai untuk menjalankan pengajaran yang betul (Lunenburg dan Korthagen, 2009). Sebagai seorang guru Pendidikan Jasmani hendaklah mempunyai keyakinan dan kebolehan bagi boleh mengenal masalah murid dengan mencari kekuatan dan kelemahan seseorang murid. Selain itu, guru Pendidikan Jasmani juga perlu menerima pandangan walaupun positif atau negatif. Pendidikan adalah salah satu daripada pendidikan. Ia mempunyai komponen akhlak atau berkaitan dengan intelek dalam berkaitan dengan perbuatan seperti menjalankan aktiviti (Sufean, 2004).

Sikap adalah satu proses pemikiran antara positif dan negatif. Guru yang mempunyai sikap yang positif mempunyai sikap untuk mendukung integrasi (Centerand Ward, 1987). Seorang guru perlu mempunyai sikap yang positif bagi menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang lebih kesan. Guru Pendidikan Jasmani perlu

mempunyai sikap yang positif bagi menarik perhatian murid dalam menjalankan aktiviti yang kreatif. Guru yang mempunyai berfikiran yang hendak meningkatkan pengajaran demi untuk murid. Pendidikan Jasmani ini hendak wajibkan untuk semua murid yang dari kanak-kanak ke dewasa. Ini menyebabkan bagi murid dapat meningkatkan perkembangan dari segi mental, dan fizikal. Kecerdasan fizikal sangat penting bagi berhidup dengan penuh kesehataan. Selain itu, ia juga adalah bagi satu kemajuan dalam kehidupan murid dalam diri murid untuk mengambil tanggungjawab. Negara yang ke arah kecemerlangan dapat membantu untuk membangunkan warganegara yang bersukan (National Assosiation for Sports and Physical Education, 2001)

Dengan itu, pandangan pengkaji adalah untuk melahirkan guru yang yakin dalam mengajar subjek Pendidikan Jasmani bagi menjadi pendidik yang berkesan. Maka dengan itu, guru-guru lelaki atau perempuan perlu yakin dalam mengajar Pendidikan Jasmani tanpa ada apa-apa halangan Tegasnya, pengajaran perlu dijalankan dengan penuh yakin dan perlu ada pada setiap guru tanpa mengira jantina.

1.2 Latar Belakang Kajian

Peranan seorang guru adalah untuk mencurahkan ilmu pengetahuan kepada para murid supaya murid dapat mempraktikkan konsep yang dimurid ai untuk mengukuhkan pengetahuan yang sedia ada. Kalau murid dapat mengaplikasikan pengetahuan yang diajar oleh guru, ia bermakna murid berjaya memperoleh ilmu (Abdull Sukor, 2008). Mengikut Ragbir (2007) menjelaskan guru yang profesional adalah guru yang dapat mengamalkan segala kemahiran profesional yang telah diterima semasa menjalani latihan ikhtisas. Hal ini kerana guru merupakan tenaga ikhtisas di dalam bidang perguruan yang diperakauntabilitikan untuk mendidik murid-murid di sekolah. Guru yang profesional hendaklah mempunyai mutu personal dan keyakinan yang sesuai dengan tugas dan status guru (Sufean , 2004). Mutu seorang guru adalah sahsiah dan sikap, minat, kreativiti dan motivasi, kemahiran berkomunikasi, keyakinan, sifat-sifat kepimpinan, pengetahuan am yang luas, sikap positif dan pencapaian istimewa yang

dapat meningkatkan profesionalisme perguruan. Menyampaikan pengetahuan baru asasi seperti fakta, kemahiran, proses Menaksirkan implikasi konsep dalam situasi baru yang dimurid Mengukuhkan pengetahuan baru melalui mempraktikkan dan membuat renungan Membina fakta kepada yang baru dan digabungkan dengan konsep yang sedia ada murid.

Penghayatan konsep pendidikan sepanjang hayat amat penting dan kejayaannya bergantung kepada kesediaan organisasi terbabit dalam pembelajaran dan bersedia mengamalkan budaya pembelajaran ke arah organisasi pembelajaran (Marinah, Omar dan Khuan (2004). Sufean (2004) bersetuju guru memerlukan kesediaan untuk memupuk semangat dan mempunyai keberanian melaksanakan tugas serta kepercayaan pada diri sendiri. Guru perlu bersedia menjalankan peranan yang diperlukan oleh murid, masyarakat dan institusi seperti pendidik, pengajar, pembimbing, penasihat, perunding, perujuk, pengurus, pemimpin, penyelidik, penilai dan pelatih untuk pembangunan masyarakat. Sektor pendidikan diberikan tanggungjawab dalam membentuk generasi yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam semua bidang kehidupan. Menurut Kamus Dewan (2005), keyakinan merupakan perihal yakin, kepercayaan yang sungguh-sungguh, kepastian, kesungguhan, ketentuan. Keyakinan diri didefinisikan sebagai kepercayaan bahawa seseorang boleh mencapai hasrat yang diinginkan. Mengikut Idris K.A.(2002), keyakinan diri adalah sumber kekuatan peribadi dan idola yang baik merupakan contoh yang dapat menyokong ketrampilan personaliti seseorang individu. Keyakinan yang dimaksudkan dalam kajian ini 16 adalah bagaimana seseorang pelatih itu menggunakan teknik dan kemahiran yang telah dimuridi, komunikasi dengan persekitaran dan penyampaian pengajaran yang berkesan.

Abu Bakar (2004) menyatakan tugas guru adalah sentiasa meningkatkan wawasan ilmu pengetahuan, meningkatkan kualiti 12 pendidikannya supaya murid tidak ketinggalan dengan mengembangkan kemajuan zaman. Menurut Abdull Sukor (1998) menjelaskan sentiasa banyak orang akan mengkaji tentang mengukur penguasaan seseorang guru. Selain itu, ada juga kajian yang terhadap tingkah laku guru-guru dalam pengajaran. Namun, tiada ada lagi apa-apa kajian tentang kaedah penilaian guru yang

dapat kesahan untuk guru. Beliau juga menyatakan guru- guru sentiasa menerima mempersoal yang positif terhadap subjek yang diajar. Bukan hanya guru sahaja mempunyai ilmu tentang fakta yang diajar mungkin murid juga akan mempunyai pengetahuan yang mencukupi. Guru yang sangat yakin dapat mengajar atau menjelaskan pengajaran dengan baik sampai muridnya memahami. Fang (1996) menyatakan bahawa kepercayaan terhadap falsafah oleh guru dapat mempraktikan memberi impak yang tinggi.

Mengikut Shouse (1996) menyatakan dengan menggunakan suatu kajian, kepercayaan atau pun keyakinan seseorang akan memberi kesan yang agak tinggi dalam pengajaran. Ia juga dapat membentuk sikap guru. Menurut Witham (1993) menyatakan sikap seseorang guru dapat dilihat dengan keyakinan yang ada pada dalam diri seseorang yang dapat menguasai pengajaran lebih tinggi. Menurut Abdull Sukor (2008) menyatakan guru hendaklah berani untuk menghadapi masalah atau tekanan dalam menguasai pengetahuan atau dalam pengajaran yang akan mengajar untuk murid nanti. Ini menyebabkan guru zaman sekarang perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan juga harus berhadapan dengan perubahan yang berlaku setiap masa untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan luas untuk meningkatkan masyarakat yang berpendidikan

1.3 Penyataan Masalah

Subjek Pendidikan Jasmani dimulakan bagi melahirkan warganegara yang seimbang dari segi JERIS. Iaitu jasmani, emosi, rohani, intelek dan social. KPM mengambil beberapa langkah bagi subjek Pendidikan Jasmani untuk dijadikan sebagai subjek wajib bagi peringkat semua sekolah (Akta Pendidikan, 1996). KPM juga menekankan bahawa subjek Pendidikan Kesihatan digabungkan dalam Pendidikan jasmani bagi guru-guru dapat berfokus dalam aspek kesihatan. Subjek Pendidikan Jasmani wajib diadakan dalam sesi persekolahan sahaja dan tidak dibenarkan dalam bukan waktu persekolahan. Subjek ini wajibkan dalam sekolah bagi memberi peluang

untuk murid melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam subjek Pendidikan Jasmani dapat melahirkan murid yang seimbang dalam akademik dan fizikal.

Dalam pengajaran subjek Pendidikan Jasmani mempunyai beberapa implikasi dalam kalangan iaitu kurang yakin untuk subjek ini. Guru adalah agen yang sangat penting dalam sesuatu pengajaran (Jani, 2004). Keyakinan seorang guru dapat dilihat dalam cara seseorang merancang pengajaran dengan strategi dan teknik yang betul dengan menggunakan pendekatan yang sesuai bagi menjalankan pengajaran yang kreatif (Smith dan Pierre, 2009). Ini adalah dapat menjalankan pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Jasmani bersistematik yang mengikuti rancangan tahunan dan juga dokumen standard.

Guru yang yakin mempunyai berupaya untuk mengawal disiplin dan dapat memotivasikan murid. Guru yang mempunyai pengalaman yang tinggi dapat menjalankan pengajaran yang berkesan. Guru yang kurang yakin akan menghadapi masalah dalam pengajaran yang kurang sesuai berbanding dengan guru yang lebih yakin (Lunenberg dan Korthagen, 2009). Seseorang guru yang kurang yakin tidak boleh dapat berkomunikasi dengan murid atau menyelesaikan masalah murid.

Dalam ini dapat melihat keyakinan dan sikap guru lelaki dan perempuan dalam pengajaran subjek pendidikan jasmani. Ini juga untuk melihat tentang pengetahuan tentang pendidikan jasmani, kemahiran dan komitmen mereka. Bebanan tugas guru salah satu faktor bagi guru-guru tidak dapat memberi komitmen yang tinggi dan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti. Ini dapat melihat sikap seorang guru semasa tidak dapat memberi komitmen. Bagi mengatasi masalahnya, guru-guru perlu meningkatkan ilmu dan pengetahuan dalam subjek Pendidikan Jasmani untuk mengelakkan keyakinan diri yang kurang dalam mengajar pendidikan jamani.

1.4 Objektif

- I. Mengetahui tahap keyakinan guru dalam pengajaran Pendidikan Jasmani.
- II. Mengetahui sikap guru dalam pengajaran Pendidikan Jasmani.
- III. Mengetahui hubungan antara tahap keyakinan dan sikap guru dalam pengajaran Pendidikan Jasmani.

1.5 Persoalan Kajian

- I. Adakah tahap keyakinan guru-guru dalam pengajaran Pendidikan Jasmani.
- II. Adakah sikap guru-guru dalam pengajaran Pendidikan Jasmani.
- III. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap keyakinan dan sikap guru-guru dalam pengajaran Pendidikan Jasmani

1.6 Hipotesis Kajian

- H01: Tidak terdapat hubungan dengan tahap keyakinan guru-guru dalam pengajaran Pendidikan Jasmani
- H02: Tidak terdapat hubungan dengan sikap guru-guru dalam pengajaran Pendidikan Jasmani

1.7 Kerangka Teori

1.7.1 Teori Keyakinan

Bandura mengatakan bahawa peranan utama bagi seseorang manusia adalah daripada proses berfikir, diri sendiri dan juga proses reflektif diri sendiri. Dalam proses ini dapat seseorang menyesuaikan diri dalam satu perubahan. Keyakinan dalam diri seorang dapat memotivasikan seseorang bagi membangunkan diri sendiri. Keyakinan iaitu satu kepercayaan bagi seseorang manusia dapat menunjukkan bakat dengan bidang tertentu Bandura (1997).

Bandura menyatakan bahawa keyakinan yang ada dalam seseorang individu dapat dilihat dengan 3 dimensi iaitu, tingkat, keluasan dan kekuatan. Seseorang yang mempunyai keyakinan dalam diri mempunyai keyakinan yang tinggi pada sesuatu tugas yang mudah. Keluasan pula individu yang mahir dalam sesuatu bidang atau tugas pekerjaannya. Kekuatan pula, keyakinan akan menjadi kelebihan seseorang individu .


1.7.2 Teori Sikap

Ajzen dan Fishbein (1980) menyatakan sikap akan mempengaruhi tingkah laku melalui sesuatu proses. Beliau mengatakan teori mempunyai hubungan dengan kepercayaan, kehendak, tingkah laku dan juga sikap. Kehendak adalah jika seseorang yang ingin mengetahui kehendak orang. Tingkah laku yang tidak dipengaruhi oleh sikap tetapi oleh kepercayaan kita terhadap orang lain. Sikap yang berganbung dengan tingkah laku dan norma subjek dapat membentuk niat.

Dalam teori ini mempunyai beberapa komponen iaitu kelakuan kepercayaan, kepercayaan normatif, sikap terhadap tingkah laku, norma kepentingan, norma subjektif niat tingkah laku, dan kelakuan. Sikap seseorang dapat dipengaruhi dengan kepercayaan

yang ada terhadap sesuatu pendapat dan memotivasi untuk mendapatkan pendapat.

1.8 Kerangka Konseptual



Rajah 1.1 Teori Keyakinan

Dalam kerangka konsep yang dibina, Teori Keyakinan merupakan pembolehubah bebas, manakala sikap adalah pembolehubah bersandar. Teori Keyakinan merupakan teori utama yang digunakan untuk melihat nilai guru terhadap pengajaran Pendidikan Jasmani. Nilai ini terhasil dari beberapa faktor iaitu pengalaman yang pernah dilalui oleh guru-guru ketika mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani di peringkat sekolah rendah.

Pengalaman ini telah mempengaruhi keyakinan serta sikap guru terhadap pengajaran Pendidikan Jasmani. Faktor ini juga dapat memberi pengaruh yang kuat dalam diri guru dan seterusnya dapat mempengaruhi pembelajaran dalam kelas. Selain itu, keyakinan dapat mempengaruhi sikap seseorang guru dalam pengajaran Pendidikan Jasmani.

Kajian ini untuk mengkaji keyakinan guru dalam pengajaran pendidikan jasmani. Penyelidik telah memilih teori Bandura iaitu terdapat keyakinan yang ada dalam seseorang individu dapat dilihat dengan 3 dimensi iaitu, tingkat, keluasan dan kekuatan. Dalam teori sikap ini mempunyai beberapa komponen iaitu kelakuan kepercayaan, kepercayaan normatif, sikap terhadap tingkah laku, norma kepentingan, norma subjektif niat tingkah laku, dan kelakuan. Sikap seseorang dapat dipengaruhi dengan kepercayaan yang ada terhadap sesuatu pendapat dan memotivasikan untuk mendapat pendapat.

Pemboleh ubah bersandar adalah sikap guru terhadap pengajaran pendidikan jasmani. Penilaian ini dinilai dari soal selidik yang memberi kepada guru-guru untuk menilai sikap guru. Hasil dari pencapaian tersebut pengkaji dapat melihat sama ada keyakinan dan sikap terhadap pengajaran pendidikan jasmani mempunyai perkaitan atau tidak dalam pengajaran pendidikan jasmani

1.9 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengetahui dan mengenalpasti tahap penglibatan guru, serta tahap keyakinan oleh guru Pendidikan Jasmani (PJ) yang mengajar mata murid an (PJ) Sampel kajian iaitu guru- guru yang mengajar atau mendidik subjek Pendidikan Jasmani (PJ) sekolah rendah daerah pendidikan terpilih dalam negeri Johor. Kajian ini dijalankan ke atas guru Pendidikan Jasmani (PJ) yang bertugas di sekolah rendah yang berfokus kepada jantung. Sampel yang dipilih dapat mewakili populasi semua guru PJ dalam negeri Johor. Johor bahru mempunyai 172 buah sekolah dan mempunyai lebih daripada dua ribu guru. Oleh itu, kajian ini hanya kepada guru- guru yang mengajar atau mendidik Pendidikan Jasmani sahaja. Kajian ini dijalankan berdasarkan limitasi dengan pemilihan guru secara tidak terpilih sekolah tetapi di dalam negeri Johor Bahru. Kajian ini hanya tertumpu kepada guru PJ yang melibatkan opsyen dan bukan opsyen dan jantung guru PJ tersebut. Subjek kajian hanya melibatkan guru-guru yang mengajar Pendidikan Jasmani di sekolah-sekolah rendah dalam daerah Johor Bahru sahaja.

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian keyakinan guru PJ yang sah dan boleh dipercayai ini dapat memberi maklumat tentang tahap penglibatan murid, strategi instruksional, pengurusan kelas dan tahap efikasi sendiri guru PJ berdasarkan opsyen, lokasi sekolah dan berdasarkan jantina guru. Selain itu, maklumat tersebut dapat digunakan untuk penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran PJ. Kajian ini dapat memberi penjelasan kepada guru PJ tahap penglibatan murid, strategi instruksional, pengurusan kelas dan tahap keyakinan mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran PJ. Penjelasan ini dapat membantu guru PJ mengenalpasti kelemahan dan melakukan penambahbaikan terhadap pengajaran mereka. Maklumat hasil kajian dapat digunakan oleh guru PJ sendiri dan Panitia PJ untuk menambah baik program pengajaran dan pembelajaran PJ di sekolah.

1.11 Definisi Istilah/ Operasional

1.11.1 Guru

Perkataan guru berasal daripada bahasa Sanskrit (ensaiklopedia Britannica 1993), Guru juga dikenali juga sebagai pengajar, pendidik, mudarris dan pengasuh merupakan tenaga pengajar dalam institusi pendidikan seperti sekolah atau tuisyen (kelas bimbingan). Dalam zaman moden ini guru juga merupakan istilah yang digunakan untuk seorang yang pakar dalam sesuatu bidang. Di peringkat universiti, guru diberi gelaran tutor atau pensyarah. Dalam konteks kajian ini maksud guru yang digunakan dalam kajian ini merupakan guru yang mengajar mata murid an Pendidikan Jasmani di sekolah rendah.

1.11.2 Pendidikan Jasmani

Pendidikan jasmani adalah satu proses bagi mengaktifkan manusia dan dapat berhidup dengan sehat. Ia bertujuan untuk melahirkan prestasi seseorang manusia dengan melahirkan model insan yang berkait rapat dengan pemilikan dan penghalusan kemahiran-kemahiran motor; pembangunan dan pemeliharaan kecergasan untuk kesihatan optimum dan keadaan baik. Ia juga dapat untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan juga untuk membangunkan sikap positif. Menurut Jenny (1994) berpendapat yang Pendidikan Jasmani memberi pengajaran melalui aktiviti fizikal yang mengutamakan perkembangan fizikal dan mental.

1.11.3 Keyakinan

Keyakinan bermaksud yang mempunyai sesungguhan yang ada pada diri sendiri untuk menjalankan sesuatu amanah. Keyakinan pada diri seseorang dapat persepsi pada kemampuan seseorang untuk mengorganisasi dan implementasi sesuatu kerja dengan menggunakan kecekapan tertentu (Bandura, 1986).

1.11.4 Sikap

Sikap adalah suatu tingkah laku atau akhlak seseorang (Kamus Dewan Edisi Keempat). Kebiasaanya, sikap seorang itu berdasarkan dengan keinginannya. Sikap seseorang individu dapat membentuk dengan cara pemikiran dan juga perasaan yang ada pada seseorang individu. Persekitaran juga salah satu punca bagi membentuk pemikiran dan sikap seseorang (Lambert 1973).

1.12 Kesimpulanya

Di dalam bab ini dapat menghuraikan latar belakang dengan aspek permasalahan yang dikaji oleh penyelidik. Antara elemen yang diterangkan adalah pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual, definisi istilah dan definisi operasional. Kajian ini dijalankan dengan harapan dengan maklumat dalam beberapa topic yang kecil bagi memberi gambaran yang lebih jelas.

RUJUKAN

- Abdul Kadir, N. (1994). *Tahap Penggunaan, Kemahiran Sikap dan Pengetahuan Pensyarah-pensyarah Pendidikan Vokasional di Kolej Menengan Vokasional seluruh Semenanjung Tentang Komputer: Kajian Ilmiah, Ijazah Pendidikan UPM*.
- Adil, A.R. (2003). *Keyakinan Diri. Edisi Pertama*. Kuala Lumpur. Berlian Publication.
- Adnan Hashim, (2011).
- Ahmad Zabidi Abdul Razak (2006). *Memimpin diri sendiri (edisi kemas kini)*. Kuala Lumpur : PTS Millennia Sdn. Bhd
- Ali. (2005). *Pengaruh efikasi sendiri dan lokus kawalan terhadap komitmen mengajar di kalangan Guru-Guru Kanan Teknikal & Vokasional*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan, Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.
- Awang, Z. (2012). *Strategi pengajaran mata murid an Pendidikan Jasmani yang berkesan*. (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Malaysia
- Aziz A.R (1998). *Motivasi Dan Pembangunan Diri*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
- Bandura, A. (1982). Self-efficacy mechanism in human agency. Dalam *American Psychologist*, 37, 122 – 147.
- Cohen, J. (1992). Quantitative methods in psychology: A power primer. *Psychological Bulletin*, 112(1), 155-159.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2013). *Research methods in education*. routledge.
- Eleanor Ann Tan Lye Neo, Munira Mohsin, Chia Chiow Ming dan Gananathan M.Nadarajah. 2014. *Kurikulum dan Pedagogi Pendidikan Jasmani*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (1993). *How to design and evaluate*

research in education (Vol. 7). New York: McGraw-Hill.

Jani, J. (2004). *Teras pengetahuan mengajar guru mata murid an pendidikan jasmani di sekolah menengah daerah Batang Padang, Perak*. Perak, Malaysia: Tanjong Malim Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Kamus Dewan (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka
Kementerian Murid an Malaysia. 1994. *Sukatan Murid an Pendidikan Jasmani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Konting, Mohd Majid (1998) *Teacher effectiveness: the beliefs of effective Bahasa Melayu teachers*. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 6 (1). pp. 1-12. ISSN 0128-7702; ESSN: 2231-8534

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.

Lim . A.H. (2004). Keupayaan Mengajar Guru-Guru Kemahiran Hidup Dalam Bahagian Teras Bagi Sukatan Murid an Baru Tingkatan Satu : Satu Tinjauan Di Sekolah-Sekolah Menengah Kawasan Skudai. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Ijazah Sarjana Muda.

Masurier, G.I. & Corbin, C.B. (2006). Top 10 reasons for quality physical education. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance*, 77(66), 44-54.

Nieto, S. M. (2003). Keeping good teachers. *Educational Leadership*, 60(8), 14–18.

Noah, S. M. (2003). Reka bentuk penyelidikan: falsafah, teori dan praktis: sebuah buku mesra pengguna. Penerbit Universiti Putra Malaysia

Noraini Idris, (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Edisi Kedua, McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd. hlm., 123

- Piaw, C. Y. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Buku 1. Kaedah Penyelidikan. Edisi Ketiga.* Mc Graw Hill, Kuala Lumpur.
- Pudji, M. (2008). Hubungan Antara Kepuasan Kerja dan Sikap Terhadap Profession dengan Motivasi Kerja. *Komunikasi dan Ekologi Manusia. Vol. 2, No.3*
- r.upsi.edu.my. (2019). *Persepsi graduan sains sukan terhadap pengajaran pendidikan kursus kaedah pengajaran pendidikan kesihatan di UPSI - UPSI Digital Institutional Repository.* [online] Available at: <http://ir.upsi.edu.my/2376/> [Accessed 14 Dec. 2019].
- Sidek Mohd Noah (2005). *Rekabentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis.* Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Sulaiman E. (2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan.* Skudai. Universiti Teknologi Malaysia
- Syaefudin, M. dan Budisantoso, H. T. (2007). *Sikap Guru Sekolah Dasar Di Kota Semarang Terhadap Perubahan Kurikulum.* Pendidikan Bahasa Prancis Fbs, Unnes.
- Tan, E.A.L.N., Mohsin, M., Chia, C.M., & Nadarajah, G.M. (2014). *Kurikulum dan pedagogi pendidikan jasmani.* Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Thomas, J.L.F. & Beaudoin, C. (2002). Implementing a physical education curriculum: Two teachers' experience. *Canadian Journal of Education, 27(2), 269-268.*
- Veloo, A. & Md. Ali, R. (2016). Physical education teachers challenges in implementing school based assessment. *International Review of Management and Marketing Journal, 6(8), 48-53.*
- Wu TienWu. (2000). Psychology. *Journal of psychology*
- Yusof, A. (2000). *Perubahan dan kepimpinan.* Sintok: Penerbitan Universiti Utara Malaysia
- Zuber Hj. Hassan (2000). Strategi pengajaran dan pembelajaran PJK : Isu dan pelaksanaan. *Jurnal Pendidikan Guru, 13, 19 – 28*